

KERANGKA LIMINALITI KE ATAS PESTA
MAGAHAU DI DALAM MASYARAKAT
ETNIK RUNGUS DI SABAH

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

ESTERLINA MOO CHIN LEN BINTI LAZARUS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

KERANGKA LIMINALITI KE ATAS PESTA MAGAHAU DI DALAM
MASYARAKAT ETNIK RUNGUS DI SABAH

ESTERLINA MOO CHIN LEN BINTI LAZARUS

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹³.....(hari bulan).....⁸..... (bulan) 2024....

i. Perakuan pelajar :

Saya, ESTERLINA MOO CHIN LEN BINTI LAZARUS/ P20152002069/ FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KERANGKA LIMINALITI KE ATAS PESTA MAGAHAU DI DALAM MASYARAKAT ETNIK RUNGUS DI SABAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. MUHAMMAD FAZLI TAIB BIN SAERANI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KERANGKA LIMINALITI KE ATAS PESTA MAGAHAU DI DALAM MASYARAKAT ETNIK RUNGUS DI SABAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

28/6/2024

Tarikh

PROF. MADYA DR. MUHAMMAD FAZLI TAIB
BIN SAERANI
Nabatan Seni Persembahan
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KERANGKA LIMINALITI KE ATAS PESTA MAGAHAU
DI DALAM MASYARAKAT ETNIK RUNGUS DI SABAH

No. Matrik / Matric's No.: P20152002069

Saya / I : _____
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 25/6/2024


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
PROF. MADYA DR. MUHAMMAD FAZLI MOH
Jabatan Seni Persembahan
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya tesis ini berjaya disiapkan. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada banyak pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan sepanjang penyelidikan ini. Tanpa sumbangan mereka, tesis ini tidak mungkin dapat disiapkan. Terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Muhammad Fazli Taib bin Saearani, atas tunjuk ajar, dorongan, dan ilmu yang berharga sepanjang proses penulisan tesis ini. Kesabaran dan dedikasi yang tidak terhingga dalam membimbing penulisan tesis ini amat saya hargai. Terima kasih juga kepada penilai dalaman Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Dr. Salman Alfarisi dan Dr. Mardiana binti Ismail atas perkongsian ilmu dalam membantu pemurnian tesis ini. Seikhlas hati saya ucapkan terima kasih kepada Puan Che Farihan binti Che Man, tanpa jemu membantu saya sehingga tesis ini diserahkan. Terima kasih Universiti Pendidikan Sultan Idris atas peluang yang diberikan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua informan dan peserta yang meluangkan masa untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan ini. Terima kasih kawan-kawan yang selalu memberikan sokongan, dorongan, dan bantuan teknikal semasa proses penyelidikan ini. Tidak lupa kepada Prof. Dr. Mohd Kipli Abdul Rahman yang membimbing saya di awal kajian ini. Terima kasih tidak terhingga buat keluarga, suami tercinta Encik Jasmi bin Rasit, anak kesayangan saya Esfahan, Eszahan dan Eszahan. Kepada idola saya, Lazarus Tuala dan Moo Nyuk Chau serta adik beradik saya, tanpa kasih sayang, persefahaman dan sokongan mereka, pencapaian ini tidak mungkin dapat dicapai. Akhir sekali, segala bantuan dan sokongan yang saya terima sepanjang penyelidikan ini amat bermakna buat saya. Terima kasih kepada semua. Semoga hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan ilmu pengetahuan pada masa hadapan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perubahan dalam persembahan Pesta Magahau oleh etnik Rungus di Sabah, iaitu daripada tradisional kepada bentuk moden. Pesta Magahau merupakan legasi perayaan tradisional yang sarat dengan iringan ritual dan disambut dalam skala besar oleh etnik Rungus dari dahulu lagi. Penyelidikan ini menggunakan perspektif Teori Liminaliti oleh Victor Turner dalam meneliti perubahan dan faktor-faktor luar yang mendorong kepada transisi persembahan Pesta Magahau. Kajian ini merupakan penyelidikan etnografi yang keseluruhan data diolah dan di analisis secara kualitatif. Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam kajian melibatkan temu bual secara berfokus dan berkumpulan. Informan kajian terdiri daripada pengamal ritual, pengamal adat dan informan yang terlibat secara langsung dengan Pesta Magahau. Teknik pemerhatian turut digunakan secara meluas dalam penyelidikan ini bagi memahami dan mendalami proses keseluruhan persembahan Pesta Magahau. Selain itu, rakaman suara dan audio visual juga dilakukan semasa menjalankan penyelidikan. Hasil kajian mendapati terdapat tiga fasa perubahan pada struktur dan fungsi persembahan Pesta Magahau, iaitu Pra-Liminal, Liminal dan Pasca Liminal. Perubahan yang berlaku merupakan implikasi daripada transformasi dan transisi kehidupan etnik Rungus daripada kehidupan tradisional kepada kehidupan moden. Selain itu, dapatan kajian memberi pendedahkan bahawa perlunya pelestarian warisan tradisi tidak ketara etnik Rungus iaitu perayaan Magahau sebagai warisan generasi akan datang.



THE FRAMEWORK OF LIMINALITY IN THE MAGAHAU FESTIVAL OF THE RUNGUS ETHNIC COMMUNITY IN SABAH

ABSTRACT

This study aims to examine the changes in the Magahau Festival performance by the Rungus ethnic group in Sabah, specifically from traditional to modern forms. Magahau Festival is traditional celebratory legacy rich with ritual accompaniment and has been celebrated on a large scale by the Rungus ethnic group for a long time. This research employs Victor Turner's Liminality Theory to analyze the changes and external factors that drive the transition of Magahau Festival performances. This study is ethnographic research where all data is processed and analyzed qualitatively. Data collection techniques used in the study involve focused and group interviews. The informants consist of ritual practitioners, customary practitioners and individuals directly involved with Magahau Festival. Observational techniques are also widely used in this research to understand and delve into the overall process of the Magahau Festival performance. Additionally, voice and audio-visual recordings were conducted during the research. The findings reveal three phases of changes in the structure and function of the Magahau Festival performance: Pre-Liminal, Liminal and Post-Liminal. These changes are the implications of the transformation and transition of the Rungus ethnic group from traditional to modern life. Furthermore, the study's findings highlight the need for the preservation of the intangible cultural heritage of the Rungus ethnic group, namely the Magahau celebration, as a legacy for future generations.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv



BAB 1 PENGENALAN



1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	16
1.4	Objektif Kajian	21
1.5	Soalan Kajian	21
1.6	Kerangka Teoritik	22
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	26
1.8	Definisi Operasional	30
1.8.1	Etnik Rungus	31
1.8.2	Ritual	32
1.8.3	Kepercayaan	32
1.8.4	Pesta Magahau	33
1.8.5	Ritual Mamapak	34
1.8.6	Bobolizan	35
1.8.7	Liminaliti	35



1.9	Batasan Kajian	37
1.10	Kepentingan Kajian	38
1.11	Organisasi Tesis	39
1.12	Rumusan	40
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR		
2.1	Pendahuluan	41
2.2	Latar Belakang Etnik Rungus	41
2.3	Sistem Kepercayaan Tradisional Etnik Rungus	51
2.4	Teori Liminaliti Dalam Kajian Terdahulu	65
2.6	Rumusan	75
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	76
3.2	Reka Bentuk Kajian	76
3.3	Penyertaan dan Lokasi Kajian	81
3.4	Prosedur Kajian Lapangan	81
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	87
3.5.1	Kajian Perpustakaan	90
3.5.2	Temu Bual Etnografi	91
3.5.3	Kumpulan Fokus	95
3.5.4	Penyertaan dan Pemerhatian (Participant-Observation)	97
3.6	Kaedah Transkripsi	100
3.7	Analisis Data	101
3.8	Rumusan	104
BAB 4 BENTUK PRA-LIMINAL PELAKSANAAN PESTA MAGAHAU ETNIK RUNGUS DI SABAH		
4.1	Pendahuluan	105
4.2	Pandangan Dunia Rungus Dari Aspek Kepercayaan, Perayaan dan Ritual	106
4.3	Perayaan dan Konsep Pesta Magahau Tradisional	108
4.3.1	Tujuan Perayaan Magahau	119



4.3.2	Struktur dan Elemen dalam Perayaan Pesta Magahau	120
4.4	Hubungan Pesta Magahau dan Ritual Mamapak	122
4.5	Asal dan Tujuan Ritual Mamapak	123
4.6	Struktur dan Fungsi Sakral Ritual Mamapak	125
4.6.1	Upacara dan Ritual Mamapak	125
4.6.2	Konsep dan Struktur Tradisional Ritual Mamapak	130
4.6.3	Peralatan dan Keperluan Magahau Tradisional	140
4.6.3.1	Bobolizan Etnik Rungus	141
4.6.3.2	Pinapakan	147
4.6.3.3	Tunggul	158
4.6.4	Kematian dan Ritual Lumuvas atau Mongukas	165
4.6.5	Proses Pelaksanaan Sambutan Ritual Mamapak: Sebelum, Semasa dan Selepas Upacara	174
4.6.5.1	Persiapan Awal	174
4.6.5.2	Semasa Ritual Mamapak	179
4.6.5.3	Perayaan Pesta Magahau	184
4.6	Rumusan	185
BAB 5 LIMINALITI PESTA MAGAHAU ETNIK RUNGUS DI SABAH		
5.1	Pendahuluan	187
5.2	Liminaliti Terhadap Struktur dan Fungsi Pesta Magahau	188
5.3	Proses Liminaliti Dalam Pelaksanaan Pesta Magahau	197
5.4	Faktor Penyumbang Kepada Perubahan Persembahan Dalam Pesta Magahau	214
5.4.1	Perubahan Agama dan Peranan Mubaligh Kristian	215
5.4.1.1	Pendidikan	218
5.4.1.2	Kesihatan	218



5.5	Konflik dan Penyingkiran Amalan Bersifat Ritual Dalam Pesta Magahau	219
5.5.1	Perkhidmatan Bobolizan dan Ritual Rungus	220
5.5.2	Sekularisasi Dalam Budaya Etnik Rungus	224
5.6	Struktur Persembahan Konvensyen Undang-Undang Adat Matunggong 2017 Dalam Pesta Magahau	227
5.7	Rumusan	230
BAB 6	REFLEKSI BENTUK BAHARU PESTA MAGAHAU ETNIK RUNGUS DI SABAH	
6.1	Pendahuluan	231
6.2	Refleksi Pesta Magahau Baharu Kepada Etnik Rungus	232
6.3	Sinkretisme dan Evolusi Kepercayaan Dalam Pesta Magahau	235
6.4	Analisis Perbandingan Pada Struktur dan Fungsi Persembahan Pesta Magahau	243
6.5	Kandungan, Struktur dan Fungsi Pesta Magahau Baharu Etnik Rungus Di Sabah	256
6.7	Rumusan	263
BAB 7	KESIMPULAN	
7.1	Pendahuluan	264
7.2	Ringkasan Penemuan Kajian	264
7.3	Sumbangan Kajian Kepada etnik Rungus	271
7.4	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	272
RUJUKAN		274

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Perspektif Ritual dan Elemen Kajian Persembahan Olahan Pengkaji Berdasarkan Empat Perspektif Ritual (Turner, 1967, 1969 & 1982; Schechner, 2013)	29
2.1	Senarai Nama Osundu dan Peranannya Dalam Kepercayaan Etnik Rungus	61
3.1	Senarai Penterjemah atau <i>Gate-Keepers</i> Kerja Lapangan	82
3.2	Senarai Informan, Lokasi dan Tarikh Rakaman	93
4.1	Tujuan Perayaan Magahau	119
4.2	Perspektif Ritual dan Elemen Persembahan Dalam Perayaan Magahau Tradisional	121
4.3	Gelaran Pakar Ritual Berdasarkan Dialek dan Kawasan di Negeri Sabah	144
4.4	Fungsi dan Peralatan Bobolizan Etnik Rungus	146
4.5	Panduan Asas Pembinaan Pinapakan	150
4.6	Pantang Larang Pasangan Dalam Tempoh Berkabung	168
5.1	Perubahan Awal Perspektif Ritual Pada Magahau Etnik Rungus	190
5.2	Perubahan Struktur Persembahan Magahau	193
5.3	Perubahan Fungsi Persembahan Magahau	195
5.4	Elemen Persembahan Yang Dikekalkan Dalam Pesta Magahau.	196
6.1	Perubahan Struktur dan Fungsi Pesta Magahau Etnik Rungus Di Sabah	243



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Peta Sabah: Kedudukan Kudat, Kota Marudu dan Pitas	4
1.2 Teori Liminaliti <i>On the Edge of the Bush: Anthropology as Experience</i> . Victor Turner, 1985	24
1.3 Kerangka Teori Kajian	26
1.4 Kerangka Konseptual Kajian	30
2.1 Hierarki dan Hubungan Dalam Sistem Kepercayaan Etnik Rungus	60
2.2 Teori Liminaliti Oleh Victor Turner	74
3.1 Reka Bentuk Kajian	80
3.2 Peta Kudat, Sabah	88
3.3 Peta Kota Marudu, Sabah	89
3.4 Peta Pitas, Sabah	90
3.5 Temu Bual Berkumpulan Di Puruvan Square, Matunggong, Kudat	96
3.6 Temu Bual Berkumpulan di Cafe Yi Fung Matunggong, Kudat.	97
3.7 Upacara Mamapak Sedang Berlangsung dan Diketuai oleh Bobolizan	99
3.8 Pengkaji Menyertai Tarian Mongigol-Sumundai, Di Kg. Narandang Laut.	100
3.9 Konsep Kitaran Ritual Kehidupan Yang Diadaptasi Daripada Teori Liminaliti Oleh Victor Turner	103
4.1 Tiga Kategori Ritual Dalam Etnik Rungus	107
4.2 Tujuan Upacara Ritual Mamapak	124
4.3 Struktur Pelaksanaan Ritual Mamapak ke Pesta Magahau	126
4.4 Struktur Ritual Mamapak dalam Kepercayaan Etnik Rungus	131





4.5	Konsep Ritual Mamapak Dengan Papak Taraat Dalam Sistem 24 Jam Masa Upacara (Hari Pertama)	135
4.6	Konsep Ritual Mamapak Dengan Papak Tavasi Dalam Sistem 24 Jam Masa Upacara (Hari Kedua)	137
4.7	Konsep Ritual Mamapak Dengan Papak Tavasi Dalam Sistem 24 Jam Masa Upacara	139
4.8	Kedudukan dan Alat Perkakasan Yang Digunakan oleh Bobolizan Rungus	145
4.9	Perbezaan Pinapakan Papak Taraat dan Papak Tavasi	149
4.10	Struktur dan Bentuk Pinapakan Sederet	153
4.11	Struktur Pinapakan Papak Taraat	154
4.12	Lokasi Pembinaan Pinapakan Berhampiran Kediaman	154
4.13	Pinapakan Papak Tavasi	155
4.14	Peralatan Sajian Di Atas Para Pinapakan	156
4.15	Struktur Pinapakan dan kedudukannya.	157
4.16	Ukiran Tinimpaku Di Pinapakan	158
4.17	Lukisan Karakter Pada Sebuah Tunggul	159
4.18	Kepelbagaian Tunggul Pada Pinapakan	162
4.19	Haiwan Ternakan (Khinzir) Diikat Di Pinapakan	163
4.20	Bahan Persembahan (Khinzir) Diikat Di Pinapakan	164
4.21	Upacara Mongukas atau Lumuvass	167
4.22	Runggou Dipecahkan	171
4.23	Meminum Kinomol Di Tapak Perkuburan	171
4.24	Kotuavan Pinapakan Memulakan Acara Meminum Kinomol	172
4.25	Rumah Induk dan Bolozungan	175
4.26	Bolozungan	176
4.27	Pandangan Tangga Dalam Bolozungan	176
4.28	Pinapakan	177
4.29	Runggou Berisi Kinomol	178
4.30	Khinzir Ternakan Diikat Di Pinapakan	179
4.31	Menuangkan Kinomol Di Tepi Kubur	180
4.32	Dompiphot	180





4.33	Bobolizan Rungus	181
4.34	Mengorbankan Khinzir Ternakan	182
4.35	Menghabiskan Kinomol Dalam Tempayan	182
4.36	Memecahkan Tempayan	183
4.37	Bentuk Hirisan Badan Khinzir (Ternakan) Mengikut Tradisi	183
4.38	Alat Muzik Dimainkan	184
4.39	Tarian Mongigol-Sumundai	185
5.1	Konsep Pelaksanaan Pesta Magahau Pada Tahun 2009	199
5.2	Pengisian Program Pesta Magahau 2009	202
5.3	Sukan Mangalasiu Etnik Rungus	204
5.4	Sukan Mirangou Etnik Rungus	205
5.5	Peserta Mongodihohoi Semasa Pesta Magahau 2016	206
5.6	Persembahan Artis Jemputan Semasa Pesta Magahau 2009	207
5.7	Persembahan Tarian Mongigol-Sumundai Semasa Pesta Magahau 2009	209
5.8	Persembahan Tarian Mongigol-Sumundai Semasa Pesta Magahau 2016	209
5.9	Pemenang Mitarab Gimpuhut Pesta Magahau Dari Tahun 1960-2018	212
6.1	Perubahan Struktur Persembahan Magahau	247
6.2	Ucapan Perasmian Pesta Magahau 2016	250
6.3	Perasmian Pesta Magahau 2016	250
6.4	Persembahan Tarian Tradisi Rungus Mongigol-Sumundai Sempena Pesta Magahau.	251
6.5	Tarian tradisi Mongigol-Sumundai Semasa Magahau Keluarga	252
6.6	Peserta Sodop Papak Tavasi Sempena Pesta Magahau	254
6.7	Peserta Sodop Papak Tavasi Memperagakan Fesyen Pakaian	255
6.8	Ketetapan Pembentukan Konsep Pesta Magahau Baharu Adaptasi Konvensyen Undang-Undang Adat Matunggong 2017.	257
6.9	Adaptasi Proses Pembentukan konsep Pesta Magahau Etnik Rungus Berdasarkan Liminaliti (Turner, 1967)	258





6.10 Pengisian Acara Pasca-Liminal Dalam Pesta Magahau etnik Rungus

261



SENARAI SINGKATAN

KDCA	Kadazan Dusun Cultural Association
KG	Kampung
LKNS	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah
NBC	Syarikat Borneo Utara NBC
PCS	<i>The Protestant Church in Sabah</i>
SAMORA	Persatuan Momogun Rungus Sabah
SBBU	Syarikat Berpiagam (British) Borneo Utara
WKAN	Wakil Ketua Anak Negeri Sabah



BAB 1

Pengenalan



Bab ini akan menjelaskan secara keseluruhan mengenai kajian yang akan dijalankan dan dikupas dalam beberapa subtajuk kecil yang merangkumi aspek latar belakang kajian, isu dan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, kerangka konseptual, definisi istilah, batasan kajian, kepentingan kajian, organisasi tesis dan rumusan. Perbincangan tentang latar belakang kajian akan meliputi aspek-aspek yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses kajian ini. Latar belakang akan memberi pemahaman kepada pembaca tentang masalah atau keperluan yang mendorong kajian dijalankan. Manakala, permasalahan kajian akan menjelaskan isu-isu yang mendorong kepada implementasi kajian ini, yang terhasil daripada pemerhatian kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji dalam bidang berkaitan. Selain itu, persoalan dan objektif akan menjelaskan perkara yang ingin dicapai dalam kajian,





fokus dan selari dengan batasan kajian. Kajian ini menggunakan kerangka Teori Liminaliti yang dikembangkan oleh Victor Turner, sebagai dasar untuk memandu kajian ini keseluruhannya. Kerangka konseptual kajian membantu pengkaji menyusun idea, konsep dan teori yang berkaitan dalam memahami, menghubungkan masalah dan mengarahkan kajian dengan cara lebih tertumpu dan teratur. Selain itu, bab ini juga menjelaskan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini, batasan kajian dijelaskan dan kepentingan kajian untuk mencapai objektif kajian. Akhir sekali adalah organisasi kajian, yang menjelaskan setiap bab dan disusuli dengan rumusan bab satu. Dengan demikian, penjelasan bab ini dapat memudahkan perbincangan pada bab-bab seterusnya.



Negeri Sabah terkenal dengan kepelbagaian etnik, budaya, istiadat dan kepercayaannya. Pengaruh budaya global yang sering dikaitkan dengan kemodenan dan kerationalan secara tidak sedar telah mengubah kedudukan budaya tradisional etnik tertentu. Pertemuan dan adaptasi dengan nilai-nilai universal yang dibawa oleh negara Barat sering mengalihkan nilai daripada budaya tradisi sesebuah etnik. Salah satunya ialah etnik Rungus di Kudat, dengan transisi perayaan daripada bentuk tradisional ke bentuk perayaan moden, misalnya Pesta Magahau iaitu satu bentuk perayaan yang diwarisi sejak berzaman oleh masyarakat etnik Rungus. Malah, amalan ritual-ritual tradisi yang merupakan representasi kerohanian etnik Rungus juga telah beransur-ansur berubah dan mengalami kemerosotan akibat kemasukan pengaruh-pengaruh dari luar komuniti mereka. Hakikatnya, amalan animisme serta kepercayaan kepada unsur-unsur





alam semesta merupakan kepercayaan yang dipegang oleh etnik Rungus pada ketika itu. Namun, seiring dengan perkembangan zaman, kebanyakan amalan animisme telah dipinggirkan sebagai upacara persembahan yang mencerminkan pemikiran dan kepercayaan komunitinya. Pengaruh yang dikatakan paling berkesan memberi perubahan kepada budaya tradisional etnik Rungus ialah kemasukan dan penerimaan agama Kristian dan Islam dalam komuniti mereka. Hanya segelintir yang masih mempertahankan dan berpegang kepada amalan dan kepercayaan tradisional, dan golongan ini dipanggil sebagai etnik Rungus *Labus*. Agama Kristian memainkan peranan paling besar dalam perubahan status sosial etnik Rungus pada ketika itu memandangkan majoriti etnik Rungus telah beragama Kristian. Ajaran agama Kristian telah mengubah dan menolak perkara yang bercanggah atau menyimpang dari akidah Kristian.



Walaupun demikian, etnik Rungus masih teguh berdiri mencuba untuk mempertahankan, memelihara serta memperkenalkan kebudayaan asal mereka kepada generasi muda menerusi perayaan Pesta Magahau. Budaya yang dinamik serta berevolusi terhadap struktur sosial bukan sekadar menjadi faktor kepada transisi dalam pencitraan sesebuah etnik, namun juga mempengaruhi corak pemikiran serta kehidupan komunitinya. Situasi ini memberi implikasi kepada ketidakseragaman peralihan budaya dan kepercayaan tradisi etnik Rungus di Sabah. Perubahan corak hidup tersebut merangkumi transisi sosiobudaya, ekonomi, politik serta sistem kepercayaan dan agama yang diamalkan sebelumnya.



Rajah 1.1

Peta Sabah: Kedudukan Kudat, Kota Marudu dan Pitas



Sumber: Olahan Pengkaji Berdasarkan Lokasi Penyelidikan (2016)

Secara umumnya, pentadbiran Sabah terdiri daripada lima bahagian iaitu Bahagian Pantai Barat, Bahagian Pedalaman, Bahagian Kudat, Bahagian Sandakan dan Bahagian Tawau. Bagi memperolehi gambaran yang lebih jelas mengenai etnik Rungus dan kebudayaannya, adalah wajar mengetahui serba sedikit latar belakang dan budaya kajian. Di awal penempatannya, etnik Rungus hanya terdapat di bahagian utara Sabah sahaja. Merujuk kepada Rajah 1.1, etnik Rungus kebanyakannya menetap di Bahagian Kudat yang terdiri daripada daerah Kudat, daerah Kota Marudu dan daerah Pitas. Meskipun pada masa kini, penempatan etnik Rungus boleh ditemui di seluruh pelosok Malaysia bahkan juga di luar dari Malaysia. Namun, majoriti etnik Rungus masih lagi menetap di daerah Kudat, daerah Kota Marudu dan daerah Pitas. Daerah Kudat ialah ibu negeri Borneo Utara British yang pertama. Kemudian pusat pentadbiran British berpindah di Sandakan selepas serangan beberapa kali oleh lanun ke atas pentadbiran British di Kudat (Johan M. Padasian, 1982, 48). Walaupun penempatan

etnik Rungus telah tersebar di merata tempat, namun daerah Kudat masih menjadi tumpuan sebagai pusat kebudayaan utama etnik Rungus di Sabah. Bukan sahaja terkenal dengan pembuatan gong di Kampung Sumangkap, pembuatan manik di Kampung Tinangol, rumah panjang di Bavanggazo dan produk penghasilan madu lebah di Kampung Gombizau tetapi juga menjadi tempat penganjuran beberapa pesta berskala besar yang disambut oleh etnik Rungus seperti Pesta Gong, Festival Kudat dan Pesta Magahau.

Migrasi etnik Rungus telah berlaku sebelum kedatangan Syarikat Berpiagam Borneo Utara sekitar tahun 1881 (Porodong, 2012:110). Menurut Appel (1992:28), serangan serangga perosak terhadap tanaman selama tiga tahun berturutan mendesak etnik Rungus untuk mula keluar bermigrasi dari kampung halaman mereka. Kesukaran hidup akibat tanaman tidak menjadi memberi dorongan kuat bagi segelintir etnik Rungus untuk memulakan penghijrahan ke tempat baharu bagi memulakan kehidupan mereka. Selain itu, terdapat juga faktor lain yang menyumbang kepada migrasi etnik Rungus seperti perkahwinan campur, perniagaan dan juga faktor pekerjaan. Keberadaan penempatan etnik Rungus semasa dapat dilihat menerusi penyertaan dalam pertandingan *Mitarab Gimpuhut* iaitu acara kemuncak dalam perayaan Pesta Magahau yang disertai oleh peserta dari seluruh Malaysia. *Mitarab Gimpuhut* bermaksud pertandingan ratu cantik, yang hanya disertai oleh peserta berketurunan Rungus semasa Pesta Magahau.

Klasifikasi etnik Rungus yang tidak konsisten dalam Banci Penduduk menyebabkan jumlah sebenar etnik Rungus tidak dapat dipastikan. Walau bagaimanapun, dianggarkan jumlah etnik Rungus pada masa ini melebihi 150,000



orang tetapi yang berdaftar sebagai bangsa Rungus dalam Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kurang daripada 100,000 berbanding daripada kesilapan atau kekeliruan identiti mereka sebagai Kadazan Dusun. Menurut Jelani Hamdan (Utusan Borneo, 13 Jun 2015), kebanyakan etnik Rungus memilih Kadazan sebagai status diri mereka sebelum ini sebagai pengenalan identiti mereka. Manakala, Porodong (2012:111) pula menganggarkan jumlah etnik Rungus adalah sekitar 120,000 ke 150,000 orang. Pengelompokan yang tidak konsisten menyebabkan masyarakat ini tidak diketahui jumlah secara rasmi. Salah satu faktor kekeliruan identiti tersebut berkemungkinan besar disebabkan oleh etnik Rungus tidak tersenarai dalam tafsiran perangkaan pada tahun 1975 (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1970) tetapi dikelompokkan dalam orang Kadazan Dusun sahaja. Manakala, bancian pada tahun 1980 meletakkan Rungus bersama 26 kumpulan lain dalam klasifikasi peribumi, kemudian sebagai bumiputera pada tahun 1991. Sehingga kini etnik Rungus masih dalam klasifikasi etnik Bumiputera Lain (Buku Tahunan Perangkaan, 2020). Kumpulan etnik dalam klasifikasi Bumiputera Lain termasuk Rungus, Idahan, Iranun, Kadayan, Lundayeh, Melayu Brunei, Orang Suluk, Tidung dan lain-lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Etnik Rungus merupakan salah satu daripada cabang dalam etnik Kadazan Dusun yang tersenarai dalam Perlembagaan Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun. Menurut Topin (1996, 3), etnik Rungus memiliki persamaan dari segi bahasa, budaya dan kepercayaan yang sama dengan etnik Kadazan Dusun lain di Sabah. Misalnya, etnik Kadazan Dusun mempercayai bahawa asal-usul nenek moyang mereka berasal dari tempat yang dikenali sebagai Nunuk Ragang. Terdapat legenda Kadazan Dusun yang dikongsi dengan baik iaitu tamadun terakhir yang diketahui di mana Kadazan Dusun berbilang etnik pernah hidup sebagai satu bangsa sewaktu tamadun Nunuk





Ragang, iaitu dipertemuan dua sungai bernama *Kawananan* (kanan) dan *Kogibangan* (kiri) yang bercantum membentuk sungai Liwogu (sungai yang dalam dan deras) yang mengalir ke sungai Labuk dan ke laut Sulu (Topin, 2021, 30). Kepelbagaian sumber semulajadi menarik mereka untuk menetap bersebelahan dengan pokok Nunuk Ragang dan membina tamadun bersama yang unik dan pada tahun 1994, *Kadazan Dusun Cultural Association* (KDCA) telah membina sebuah monumen peringatan warisan Nunuk Ragang yang terletak di sebelah kanan jalan raya di KM 54, lebuh raya Ranau-Telupid-Sandakan selepas jambatan utama Liwogu (Topin, 2021, 31). Kemudian rumpun Kadazan Dusun berpecah dan membentuk pelbagai etnik yang wujud pada masa ini (Luping, 1985, 6; Arena Wati 1978, 9; Hamiddun Udin, 1992, 50; Low, 2006, 44). Perpecahan ini memberi peluang kepada etnik lain termasuklah etnik Rungus sendiri untuk membentuk identiti menerusi perayaan bangsa mereka iaitu Pesta



Etnik Rungus merupakan kumpulan etnik Dusunik kedua terbesar di Sabah, dengan populasi sekitar 120,000 hingga 150,000 orang (Porodong, 2012: 11). Mereka merupakan pribumi di Semenanjung Kudat di utara Sabah. Sekitar 150 tahun yang lalu, sekelompok etnik Rungus berpindah ke timur Semenanjung Bengkoka iaitu sebahagian daripada daerah Pitas sekarang. Pada ketika ini, terdapat juga beberapa perkampungan campuran di daerah Kota Marudu di antara etnik Rungus, Kimaragang dan kumpulan-kumpulan lain (Pugh-Kitingan, 2020: 117). Appell (1978) menggunakan istilah "isoglot Dusunic" untuk menggambarkan dialek-dialek bahasa Rungus. Dalam penulisannya, beliau menyatakan bahawa orang Rungus bertutur dalam bahasa Dusunik, yang juga dapat ditemui pada ramai orang di Sabah dan memperkenalkan diri sebagai Momogun-Rungus atau Rungus sahaja.





Terdapat juga etnik Rungus yang lebih suka dikenali sebagai Momogun (Porodong, 2001; Low, 2013), satu istilah yang juga digunakan dalam bahasa Dusunik lain yang bermaksud "orang tempat itu" menekankan asal-usul mereka sebagai pribumi. Etnik Rungus mempunyai beberapa sub kumpulan, iaitu Rungus, Nulu, Gonsomon, Pilapazan dan Gandahon yang dibezakan melalui penempatan mereka. Dari kumpulan-kumpulan sub ini, kumpulan Rungus adalah yang terbesar (Appell, 1963). Etnik Rungus merupakan penutur bahasa Dusunik juga lebih senang dikenali sebagai Momogun berbanding sebagai Kadazn Dusun. Kenyataan ini disokong oleh Ong (1994, 153) bahawa etnik Rungus lebih cenderung melihat diri mereka sebagai Momogun, yang bermaksud orang tanah sini atau orang tempatan. Daerah kecil Matunggong merupakan tapak penempatan asal etnik Rungus sebelum berpindah ke penempatan lain.



Bahagian utara Borneo menjadi tempat tinggal lebih daripada 58 kumpulan etnik yang berbeza dengan lebih daripada 100 dialek tempatan yang digunakan (King & King, 1984 [1997]; Pugh-Kitingan et al., 2018). Berdasarkan edaran senarai etnik daripada Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) pada tahun 2008, sebanyak 35 jumlah etnik penuh, manakala 217 merupakan jumlah sub etnik di Sabah. Ini menjadikan jumlah etnik di Sabah termasuk etnik penuh dan sub etnik mencecah 252 secara keseluruhannya (Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M.K.A., 2021). Dengan jumlah etnik yang banyak, adalah menjadi keutamaan setiap etnik di Sabah untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai etnik penuh daripada kerajaan Sabah. Pengiktirafan ini akan dapat menonjolkan kebudayaan dan kesenian mereka bukan hanya menjadi identiti tetapi demi kelestarian warisan kebudayaan. Justeru itu, pada tahun 2016 etnik





Rungus telah diberi pengiktirafan oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) sebagai sebuah etnik penuh (Utusan Borneo, 22 Februari 2015).

Kepercayaan tradisional merupakan kawalan sosial paling kuat dalam melindungi sosial etnik Rungus dahulu. Kawalan ini adalah asas penting dalam pembentukan adat dan tabu dalam kalangan etnik Rungus. Menurut Appell (1986), agama tradisional adalah salah satu pencapaian budaya Rungus yang paling luar biasa kerana menyatukan diri mereka dengan alam sekitar dan juga dalam komuniti Rungus sendiri. Tambah Appell (1976, 1986) etnik Rungus percaya kepada alam *supernatural* dan membahagikan kuasa tersebut kepada *Minamangun* (pencipta), *rogon* (hantu atau roh jahat) dan *hatod* (roh manusia). Menurut Azlan Shafie Abdullah (2010), etnik Rungus dahulu berpegang kepada kepercayaan animisme. Keterangan lanjut mengenai sistem kepercayaan tradisional etnik Rungus akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

Walau bagaimanapun, kepercayaan tradisional etnik Rungus mula menerima impak yang besar setelah pihak Syarikat Berpiagam (British) Borneo Utara mula mentadbir Sabah pada akhir kurun ke-19. Daerah Kudat yang majoritinya didiami oleh etnik Rungus merupakan antara daerah yang paling awal menerima misi pendakwahan Kristian (Mat Zin, 2003: 208). Misi pendakwahan mazhab Protestanisme yang dikendalikan oleh Misi Basel (*Basel Mission*) beribu pejabat di Switzerland adalah untuk berdakwah kepada etnik Rungus secara besar-besaran bermula dari tahun 1950-an (Porodong, 2004: 83). Para mubaligh Kristian yang mendapat sokongan daripada pihak Syarikat Berpiagam (British) Borneo Utara telah mempercepatkan proses penyebaran Kristian dalam kalangan komuniti Rungus. Tindakan pendakwah Kristian yang menggunakan pendekatan serampang dua mata iaitu dengan memperbaiki bidang





ekonomi, pendidikan dan kesihatan pribumi di Sabah merupakan antara faktor tarikan yang menyebabkan komuniti Rungus memeluk agama Kristian.

Implikasi daripada dakwah tersebut menyebabkan etnik Rungus yang telah memeluk agama Kristian tidak lagi mengamalkan sebarang upacara ritual yang diwaris daripada leluhur mereka kerana percanggahan amalan tradisional dengan ajaran agama Kristian, juga mendapat tentangan daripada pihak gereja (Porodong, 2004: 87). Selain menganut agama Kristian, terdapat sebilangan kecil etnik Rungus yang beragama Islam. Dianggarkan 65 peratus daripada etnik Rungus beragama Kristian, 30 peratus beragama Islam dan hanya 5 peratus sahaja yang masih mengamalkan agama *Labus* (Joisin Romut, Denis J. Sading & Flora Iban, 2013: 69). Agama *Labus* adalah amalan tradisional yang melibatkan upacara keagamaan yang percaya kepada suatu kuasa ghaib, *Kinoringan* (pencipta), hantu, roh baik dan roh jahat. Mereka digelar *Labus* kerana bukan beragama Kristian atau Islam, pengertian lain mereka masih mengekalkan amalan dan kepercayaan leluhur mereka. Bagi etnik Rungus, upacara-upacara yang bertentangan dengan agama Kristian dan Islam telah ditinggalkan dan perubahan ini sekaligus menghakis amalan-amalan ritual seperti *Mongukas*, *Lumuvas*, *Moginum*, *Tumoron*, *Mogontong*, *Rundukan*, *Mamapak* dan upacara ritual lain yang pernah diamalkan sebelumnya. Sistem kepercayaan dan amalan etnik Rungus tradisional akan dibincangkan secara mendalam dalam bab empat.

Perubahan bukan sahaja menjejaskan sistem amalan dan kepercayaan tradisi, malah memberi implikasi kepada konsep dan pengisian perayaan Magahau setelah etnik Rungus membuang acara-acara keagamaan yang bersifat ritual kerana tidak selari dengan ajaran agama baharu mereka. Perubahan sedemikian telah menimbulkan





kekhuatiran khususnya dalam kalangan golongan elit Rungus untuk memelihara warisan tradisi yang menjadi tunggak identiti budaya mereka. Meskipun demikian, golongan ini dilema dalam mengetengahkan budaya tradisi dengan mempertimbangkan kepentingan di antara memelihara kebudayaan asal atau membentuk identiti etnik Rungus, dengan tujuan untuk menonjolkan keunikan etnik dan membezakan dengan etnik-etnik lain di Sabah. Sehubungan itu, Persatuan Momogun Rungus Sabah (SAMORA) mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan Bengkel Konvensyen Undang-Undang Adat Matunggong kali pertama pada tahun 2009 dan sambungan bengkel telah dilaksanakan pada tahun 2017 (Utusan Borneo, 22 Februari 2017). Penganjuran bengkel ini adalah untuk membincangkan konsep dan pengisian yang bersesuaian dalam persembahan perayaan Magahau, selari dengan kehendak etnik Rungus pada masa kini. Konvesyen tersebut dihadiri oleh wakil-wakil ketua kampung, ketua daerah Matunggong, ketua gereja, pengamal adat dan Ketua Anak Negeri bagi memartabatkan undang-undang anak negeri khususnya undang-undang etnik Rungus.

Berdasarkan Konvensyen Undang-Undang Adat Matunggong 2009, SAMORA telah menganjurkan Pesta Magahau pada tahun 2009 julung kalinya dan menjadi perintis kepada penganjuran Pesta Magahau seterusnya. Pesta Magahau merupakan platform untuk mengetengahkan identiti dan budaya Rungus, menonjolkan perbezaan mereka dengan etnik lain yang terdapat di Sabah, dan seterusnya dikenali di peringkat global. Faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan pengisian, amalan dan kepercayaan etnik Rungus semasa melaksanakan Pesta Magahau akan dibincangkan dalam bab seterusnya.



Sejajar dengan tujuan penganjuran Pesta Magahau iaitu mengetengahkan identiti bangsa Rungus, penstrukturan pengisian persembahan Magahau telah dilakukan agar bersesuaian dan menjadi kesinambungan perayaan Magahau tradisional dengan cara penjenamaan semula perayaan mengikut kesesuaian kehidupan semasa etnik Rungus. Meneliti penganjuran Pesta Magahau pada tahun 2009, upacara ritual *Mamapak* masih diteruskan dengan mengadakan ritual *Mamapak* dengan *Papak Tavasi* sahaja. *Papak Tavasi* adalah ritual yang tidak melibatkan kematian, lazimnya ritual ini bertujuan untuk kesejahteraan hidup. *Mamapak* secara tradisinya merupakan ritual yang wajib dilaksanakan oleh Rungus *Labus* sebelum mengadakan sambutan Pesta Magahau atas dasar kepercayaan bahawa pelaksanaan ritual *Mamapak* sebelum perayaan Magahau penting bagi tujuan perlindungan dan keselamatan daripada gangguan kuasa *supernatural*. Jika sambutan itu diadakan tanpa melakukan ritual terlebih dahulu, dikhuatiri *rogon* (roh jahat atau hantu) akan terkejut dengan suasana perayaan seperti bunyi gong dan bunyi bising di sekeliling, malah makanan yang banyak menyebabkan *rogon* menjadi berang seolah-olah menafikan kekuasaannya (Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M.K.A., 2022:6). Mengambil peranan utama dalam Pesta Magahau, *Mamapak* telah dijadikan simbol identiti budaya etnik Rungus semasa penganjuran Pesta Magahau tahun 2009 (Ranjmal Montuduk, temu bual, 30 Julai, 2017). Ringkasnya, ritual *Mamapak* dilaksanakan bagi menyeru atau memanggil atau memuja semangat harta untuk tujuan meningkatkan ekonomi dan juga keharmonian hidup komuniti Rungus.

Walau bagaimanapun, penyertaan ritual *Mamapak* dalam Pesta Magahau telah mendapat tentangan dan konflik daripada pihak gereja *The Protestant Church in Sabah* (PCS) dan komuniti Rungus sendiri. Sehubungan itu, bengkel Konvensyen



Undang-Undang Adat Matunggong telah diadakan semula pada tahun 2017, lanjutan daripada bengkel 2009 bagi mencari kesepakatan pengisian baharu dalam program Pesta Magahau (Utusan Borneo, 22 Februari 2017). Dengan demikian, Pesta Magahau pada tahun 2018 terbentuk tidak lagi melibatkan pengisian aktiviti yang berkaitan dengan perlakuan ritual, dengan membuang upacara *Papak Taraat* dan pembinaan *Pinapakan*. Apa yang dikekalkan sebagai simbolik budaya yang diwarisi daripada generasi sebelumnya adalah penggunaan *Papak Tavasi* bagi aktiviti yang berkaitan dengan acara moden iaitu peragaan fesyen pakaian yang direka pada malam Pesta Magahau. Pengisian ini dinamakan sebagai *Sodop Papak Tavasi* atau *Sodop Dumazou Gimpuhut*. Acara yang dipertandingkan seperti *Sodop Papak Tavasi Best Catwalk*, *Sodop Papak Tavasi Best Dressed Model*, *Sodop Papak Tavasi MUA*, dan sebagainya. Pembentukan pengisian aktiviti Pesta Magahau 2018 adalah bersifat mempromosikan keunikan senibudaya etnik Rungus.



Sejarah awal penciptaan Pesta Magahau dikumpul hanya melalui cerita-cerita lisan yang diturunkan secara bergenerasi kepada keluarga masing-masing dan tiada rekod secara bertulis. Dapatan maklumat daripada informan juga bersandarkan kepada cerita-cerita lisan yang telah mereka dengar (Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M.K.A., 2021). Magahau adalah gelaran kepada satu pesta berskala besar yang diraikan oleh etnik Rungus pada ketika dahulu yang bertujuan untuk menzahirkan kegembiraan kerana mendapat rezeki yang berlebihan dan ingin berkongsi kegembiraan tersebut bersama saudara-mara, kampung-kampung yang berdekatan serta orang ramai. Magahau disambut oleh beberapa buah kampung atau sekurang-kurangnya satu kampung atau beberapa buah keluarga dan pengisiannya juga adalah berbeza pada setiap tahun. Magahau boleh diadakan pada bila-bila masa dan tidak terikat kepada





tarikh atau musim tertentu. Meskipun upacara *Mamapak* diadakan semasa penganjuran Pesta Magahau pada tahun 2009, namun tidak mengadakan ritual *Papak Taraat* ketika itu. *Papak Taraat* adalah semangat yang tidak baik. Semangat dirujuk kepada roh-roh jahat, hantu dan sebagainya. Perbincangan lebih mendalam mengenai Pesta Magahau dan upacara ritual yang berkaitan akan dijelaskan dalam bab seterusnya.

Hasil perbincangan dan penelitian ahli mesyuarat yang terlibat semasa Konvensyen Undang-undang Adat Matunggong 2009, Magahau adalah perayaan yang tidak bersifat ritual. Namun, etnik Rungus dahulu mempunyai kepercayaan bahawa sesuatu perayaan tidak boleh dilakukan sekiranya tiada tujuan yang bersifat ritual. Tanpa aktiviti ritual, etnik Rungus tidak boleh berpesta dan jika ingkar mereka akan diganggu atau mendapat malapetaka daripada roh-roh yang jahat dan hanya upacara *Papak Taraat* boleh mengamankan hubungan manusia dengan alam ghaib. Perayaan Magahau adalah kemuncak kepada sambutan ritual etnik Rungus. Pada umumnya, etnik Rungus percaya bahawa sesuatu perayaan tidak boleh disambut tanpa sebarang tujuan yang berkaitan dengan upacara keagamaan. Oleh itu, salah satu pengisian yang wajib dalam Magahau adalah upacara *Mamapak*. *Mamapak* yang dilakukan semasa perayaan Magahau adalah bertujuan untuk memohon pertolongan kepada yang disembah. Persiapan utama yang perlu dilakukan sebelum mengadakan upacara *Mamapak* adalah membina *Pinapakan* berhampiran kediaman. *Pinapakan* adalah pondok terbuka yang dibina untuk upacara *Mamapak*. Jumlah *Pinapakan* adalah sama dengan bilangan ternakan haiwan khinzir yang hendak dikorbankan atau melebihi bergantung kepada permintaan keluarga yang akan mengadakan ritual tersebut. Fakta ritual ini, jumlah haiwan ternakan untuk bahan sajian tidak boleh kurang daripada jumlah *Pinapakan* yang telah dibina. Tetapi, haiwan khinzir yang dipersembahkan sebagai bahan sajian,





boleh lebih daripada satu pada sebuah *Pinapakan*. Lokasi pembinaan *Pinapakan* juga tertakluk atas budi bicara *bobolizan*, kebiasannya *Pinapakan* dibina berhampiran kediaman etnik Rungus yang akan menjalankan upacara tersebut.

Etnik Rungus dahulu tinggal di rumah panjang (binatang). Tempat tinggal etnik Rungus dipanggil sebagai rumah panjang kerana struktur rumahnya yang dibina bersambung dan secara memanjang. Sebuah rumah panjang adalah menggambarkan satu perkampungan bagi etnik Rungus kerana jumlah keluarga yang tinggal di rumah panjang ini boleh mencapai sehingga 120 buah keluarga (Paul, 1977:70). Etnik Rungus memilih untuk tinggal di rumah panjang bagi tujuan keselamatan. Kebanyakan penghuni rumah panjang biasanya mempunyai hubungan persaudaraan. Justeru itu, dalam setiap keramaian dan upacara ritual, keluarga yang berkenaan sentiasa mendapat bantuan oleh ahli-ahli rumah panjang. Keluarga tersebut mendapat bantuan dari segi persediaan makanan, tenaga bekerja serta pengurusan upacara tersebut. Perayaan Magahau merupakan perayaan yang menyatupadukan etnik Rungus dahulu kala dan senario ini ingin diteruskan pada generasi etnik Rungus masa kini. Sehubungan itu, Pesta Magahau telah dijenamakan semula sebagai platform kesinambungan budaya etnik Rungus meskipun melakukan rombakan besar dalam pengisian Pesta Magahau untuk diselaraskan dan disesuaikan dengan kehidupan etnik Rungus pada konteks masa kini.



1.3 Pernyataan Masalah

Melalui tinjauan awal dan pembacaan yang dilakukan, perayaan Magahau merupakan perayaan tradisi yang diwarisi oleh etnik Rungus secara bergenerasi dan merupakan salah satu perayaan berskala besar yang dikaitkan dengan perlakuan ritual *Mamapak* sebelum pelaksanaan perayaan ini. Dahulu, perayaan ini dijalankan secara meriah dan menjadi perhimpunan sosial etnik Rungus. Namun, kerana berlaku transisi sosial dan budaya pada etnik Rungus, Pesta Magahau telah berhenti dijalankan. Oleh itu, kajian ini muncul setelah melihat sambutan Pesta Magahau yang julung kalinya diadakan oleh etnik Rungus pada tahun 2009, yang dianjurkan pihak SAMORA. Selain ritual *Mamapak*, ritual *Moginum* juga disambut secara meriah oleh etnik Rungus *Labus* pada ketika dahulu. Perayaan Magahau ini merupakan satu perhimpunan kebudayaan etnik Rungus dahulu, meliputi acara sukan tradisi (hontira), persembahan tarian tradisi *Mongigol-Sumundai*, permainan alat muzik, aktiviti berjualan (bunjal) dan juga pencarian *Gimpuhut* gadis Rungus. Selain itu, perayaan ini juga membolehkan etnik Rungus berkumpul dan berkenalan dengan keluarga dari kampung-kampung lain memandangkan sambutan perayaan ini akan melibatkan beberapa buah kampung yang berhampiran dan perayaan ini berlangsung sehingga beberapa hari bergantung kepada kemampuan ekonomi keluarga (Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M.K.A., 2022:6).

Di awal penganjuran Pesta Magahau, perayaan ini mendapat kritikan dan konflik dalam kalangan etnik Rungus yang beragama Kristian, terutamanya disebabkan oleh kehadiran unsur-unsur sinkretisme dalam sambutan Magahau. Sinkretisme dalam hal ini merujuk kepada percampuran unsur-unsur tradisi asal dengan ajaran Kristian, yang dianggap bercanggah atau mengaburkan ajaran agama Kristian.



Malah, setelah sekian lama tidak diadakan secara terbuka, perayaan Pesta Magahau kini diadakan semula. Kebangkitan sambutan ini boleh menimbulkan konflik terutama pihak gereja dan penganut Kristian yang merasakan tradisi lama ini tidak sesuai dengan pegangan agama masa kini. Tambahan pula, etnik Rungus pada ketika dulu hanya menyambut perayaan Magahau selepas selesai upacara *Mamapak*. Ritual *Mamapak* adalah upacara penting dalam budaya Rungus yang mesti dijalankan sebelum Magahau.

Campur aduk antara tradisi lama ke dalam Pesta Magahau pada tahun 2009 sememangnya menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan gereja dan kebanyakan etnik Rungus Kristian. Ini menjadi punca utama konflik yang berlaku dalam penganjuran Pesta Magahau. Ketidakpuasan hati timbul kerana unsur-unsur tradisi lama dianggap tidak sesuai, malah perayaan yang melibatkan sinkretisme mencemarkan kesucian akidah Kristian dan menimbulkan keraguan dalam kalangan penganutnya. Integrasi tradisi lama tidak sesuai dengan nilai agama mereka. Konflik ini memaksa masyarakat mencari penyelesaian yang boleh diterima oleh semua pihak. Ini membawa kepada penstrukturan semula sambutan Magahau dengan memperkenalkan bentuk atau model yang lebih sesuai dengan ajaran Kristian. Bentuk dan struktur persembahan Pesta Magahau telah diputuskan pada Konvensyen Undang-Undang Adat Matunggong 2017, dipengaruhi sepenuhnya oleh ajaran Kristian.

Secara umumnya, menerusi amalan etnik Rungus dahulu, terdapat dua jenis upacara ritual besar yang melibatkan sambutan perayaan Magahau iaitu ritual upacara *Moginum* dan *Mamapak*. Ritual *Moginum* diadakan untuk kesembuhan penyakit yang dialami oleh etnik Rungus (Joisin Romut, Denis J. Sading & Flora Iban, 2013:72). Menurut Parasin Bongkol (2013,126) “*Manjadi ong varo no mongoruol vagu,*





mongutang no vagu it ulun dot utang vagu, ino no moginum”. Ini bermaksud, sekiranya ada yang menghidap penyakit, maka mereka wajib melakukan ritual *Moginum* bagi kesembuhan penyakit yang dialami. Manakala, ritual *Mamapak* pula adalah untuk kesejahteraan hidup dan memperbaiki ekonomi etnik Rungus (Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M.K.A., 2022:4). Kedua-dua upacara tersebut menggunakan perkhidmatan *bobolizan* sebagai pengantarnya. Rappaport (1999, 24) menjelaskan ritual merupakan perlakuan yang ditetapkan dalam komuniti itu sendiri. Bagi memastikan tujuan ritual mencapai matlamatnya, perlakuan ritual perlu dilaksanakan mengikut turutan, struktur dan proses yang telah ditetapkan. Perlakuan ini diamalkan oleh etnik Rungus dahulu dalam setiap perayaan yang bakal diadakan.

Hakikatnya, perayaan Magahau ini agak asing bukan sahaja kepada generasi muda Rungus tetapi juga pada komuniti Rungus itu sendiri. Merujuk temu bual dan data (pemenang *Mitarab Gimpuhut*), perayaan Magahau kali terakhir disambut dalam skala besar pada tahun 1960 dan selepas itu, perayaan ini hanya sambutan dalam kelompok etnik Rungus *Labus* sahaja kerana etnik Rungus beragama Kristian tidak lagi mencampuri amalan kepercayaan lama. Perayaan Magahau mula dikenali semula dan menjadi topik hangat dalam kalangan etnik Rungus selepas penganjuran Pesta Magahau pada tahun 2009, kerana perayaan ini menyelitkan upacara *Mamapak* yang membawa pandangan negatif dan percanggahan pendirian terhadap konsep perayaan Magahau yang mewakili budaya etnik Rungus dikaca mata masyarakat sejagat. Persetujuan berjaya dicapai melalui Bengkel Undang-Undang Adat Matunggong pada tahun 2017 dan konsep persembahan Magahau baharu telah diaplikasikan dalam Pesta Magahau 2018. Justeru, pelbagai perubahan dilakukan dari aspek struktur dan fungsi



persembahannya bagi mencipta persembahan baharu yang ideal sebagai *revival* budaya etnik Rungus.

Etnik Rungus di Kudat juga tidak terkecuali dalam penyelidikan (Appell, G. N., 1963; Pugh-Kitingan, Jacqueline, 1989; Arena Wati. 1978; Lasimbang, R. (2002); Porodong, P., 1977; dan Raymond Majumah, 2003; Umpug Gumama Do RE@D Matunggong, 2009; Parasin Bongkol, 2003, 2011, & 2013) antaranya, dengan tujuan untuk memastikan budaya material dan non-material etnik Rungus di Kudat terpelihara. Walau bagaimanapun, masih terdapat lompong dalam penyelidikan ini kerana belum dilakukan kajian secara menyeluruh tentang perayaan Magahau tradisional dan transisi perayaan ini menjadi identiti budaya etnik Rungus pada masa kini. Kajian dilakukan oleh Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M.K.A., (2021 & 2022), Lazarus, E. M. C. L., & Saarani, M. F. T. (2023), Hamdan, J., Ationg, R., Esa, M. S., Othman, I. W., & Mokhtar, S. (2023) dan Joisin Romut, Denis J. Sading & Flora Iban, (2013). Perubahan persembahan Magahau telah dilakukan terhadap ritual dalam Magahau tradisional bagi menyesuaikan lingkungan baharu kehidupan etnik Rungus kini yang telah berpegang kepada agama Kristian mahupun agama Islam. Ritual Magahau melalui fasa Liminaliti kerana bukan sahaja disebabkan oleh modenisasi malahan sifat pertentangan kepercayaan agama juga turut menjadi faktor utama perubahan tersebut.

Modenisasi sesebuah masyarakat tidak dapat disekat begitu juga dengan etnik Rungus. Banyak amalan dan budaya tradisional yang tidak lagi dipraktikkan dalam konteks kehidupan masa kini terutama yang bertentangan dengan agama Kristian. Desakan ritual untuk berevolusi dan berkembang memberi implikasi kepada struktur dan fungsi perayaan tradisi etnik Rungus. Penelitian terhadap perubahan dalam Pesta



Magahau akan dikaji menggunakan Teori Liminaliti oleh Victor Turner (1972). Turner adalah seorang ahli antropologi yang telah mengembangkan konsep Liminaliti (1967, 1982, 1987) oleh Arnold Van Gennep (1960) yang merujuk kepada *rites de passage*. Menurut Arnold Van Gennep, terdapat tiga fasa dalam *rites de passage* iaitu Pra-liminal (separation), Liminal (transition) dan Pasca-liminal (incorporation). Turner memperhalusi dan meluaskan konsep Liminaliti ke pelbagai konteks sosial dan budaya. Turner menyempurnakan pemahaman tentang Liminaliti dan konsep berkaitan seperti anti-struktur dan *communitas*. Pengaplikasian Teori Liminaliti bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Kajian ini ingin meneliti apakah bentuk perubahan yang berlaku dalam perayaan tradisional etnik Rungus iaitu Pesta Magahau. Jika wujud perubahan dalam pelaksanaan Pesta Magahau, apakah tahapan perubahan setiap proses tersebut. Adakah perubahan tersebut berlaku sejajar dengan Teori Liminaliti oleh Turner, yang merangkumi proses pemisahan, peralihan dan penggabungan berlaku dalam perayaan Magahau? Turner memperkenalkan konsep anti-struktur yang berhubungan dengan Liminaliti. Bagi Turner, Liminaliti ialah keadaan yang tidak berstruktur, bersifat transisi dan tiada klasifikasi. Bagi menjawab isu dan permasalahan kajian, persoalan kajian dibentuk dalam membangunkan objektif kajian. Pembentukan objektif kajian akan menuntut pengkaji menjawab setiap permasalahan kajian yang diutarakan berkaitan dengan Liminaliti dalam Pesta Magahau etnik Rungus di Kudat, Kota Marudu dan Pitas, Sabah.



1.4 Objektif Kajian

Menjawab permasalahan yang di utarakan di atas, berikut ditetapkan objektif kajian sebagai panduan pengkaji:

- i) Menginterpretasikan Pra-Liminal pelaksanaan Pesta Magahau etnik Rungus, di Sabah;
- ii) Menganalisis bentuk Liminal Pesta Magahau etnik Rungus, di Sabah setelah menerima pengaruh dari luar;
- iii) Mensintesisikan Pasca-Liminal Pesta Magahau etnik Rungus, di Sabah.

Berdasarkan permasalahan kajian, soalan yang dikemukakan melalui kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Bagaimanakah Pra-Liminal pelaksanaan Pesta Magahau pada etnik Rungus di Sabah?
- ii) Bagaimanakah Liminal persembahan Pesta Magahau setelah menerima pengaruh dari luar?
- iii) Bagaimanakah bentuk Pasca-Liminal Pesta Magahau etnik Rungus, di Sabah?

1.6 Kerangka Teoritikal

Kerangka teori ialah suatu gambarajah teori yang memaparkan komponen-komponen yang dikaji dalam satu model (Uma Sekaran, 2000, 91). Bahagian ini menerangkan tentang teori atau pemikiran yang diusulkan untuk menyelesaikan masalah yang hendak dikaji (Idris Awang, 2009, 61). Dalam kajian ini, teori terbentuk melalui proses analisis dan menggabungkan data-data kualitatif bagi membantu dan membuat penjelasan dalam konteks yang komprehensif tentang penyelidikan yang sedang dikaji (Marshall & Rossman, 1989; Merriam, 1998). Oleh itu, kajian ini berpandukan kepada kerangka Liminaliti yang dikemukakan oleh Victor Turner. Turner (1982, 44) juga menggunakan istilah anti-struktur untuk memberi gambaran terhadap Liminaliti dan *communitas* dalam proses ritual, khususnya merujuk kepada komuniti agraria. Turner lebih suka menggunakan istilah Latin “*communitas*” daripada “komuniti”, untuk menunjukkan pertembungan dan perjumpaan langsung antara manusia yang bebas, sama rata dan menyeluruh. Dari perspektif teori, pengkaji menggunakan Liminaliti kerana bersesuaian dengan pemikiran, ruang lingkup dan fokus kajian, iaitu perubahan perlakuan ritual dalam pelaksanaan perayaan Magahau tradisional ke bentuk Magahau moden. Justifikasi perubahan ini adalah atas tuntutan perubahan status, sosiobudaya dan perspektif kehidupan masa kini, yang mendorong kepada perubahan bentuk, struktur dan fungsi Pesta Magahau dalam komuniti etnik Rungus pada hari ini.

Menurut Turner (1985), peralihan ke dalam keadaan baharu melibatkan tiga fasa iaitu upacara perpisahan (rites of separation), upacara liminal atau margin (rites of limen or margin) dan upacara penyatuan semula (rites of reaggregation). Rajah 1.2. di bawah menggambarkan kerangka teori daripada Victor Turner dalam melihat



perubahan upacara dalam ritual tradisional yang dialami oleh sesebuah komuniti disebabkan oleh pelbagai faktor. Kesannya, berlaku perubahan dalam struktur dan fungsi perayaan tradisional sepertimana yang berlaku kepada perayaan Magahau tradisional etnik Rungus.


Turner mentakrifkan Liminaliti sebagai suatu keadaan atau proses yang wujud antara keadaan dan proses normal, budaya dan sosial sehari-hari (1979, 465). Istilah Liminaliti menerangkan laluan melalui ambang yang berlaku di peringkat pertengahan dan konsep Liminaliti dikembangkan secara meluas oleh Turner (1969, 1974, 1979, 1982), iaitu daripada kajian peralihan upacara oleh Van Gennep (1960 [1908]). Konsep Liminaliti dalam sains sosial berasal daripada kajian peralihan upacara oleh Van Gennep (1960[1908]), yang memberi tumpuan kepada upacara peralihan individu atau kumpulan sosial daripada satu status kepada status yang lain. Van Gennep (1960) mengenal pasti tiga peringkat dalam laluan upacara iaitu upacara pemisahan (rites of separation), upacara peralihan (transition rites), dan upacara penggabungan (rites of incorporation).

Turner mengembangkan peralihan ritual khususnya pada tahap liminal dalam upacara peralihan oleh Van Gennep (rujuk Rajah 1.2). Fasa pemisahan adalah permulaan berlakunya bukan perkara rutin dan amalan biasa dalam sesebuah komuniti. Pada tahap peralihan atau liminal, Turner (1979,467) setelah subjek upacara jatuh ke dalam keadaan terapung antara kewujudan harian masa lalu dan sekarang, maka akan berlaku penyatuan semula iaitu penggabungan peralihan upacara tersebut ke dalam komuniti dengan status dan identiti yang baharu. Pembentukan upacara ke status baharu dapat dilihat dalam Pesta Magahau oleh etnik Rungus.



Rajah 1.2

Teori Liminaliti On the Edge of the Bush: Anthropology as Experience. Victor Turner (1985)




Dalam kajian-kajian lepas, pelbagai bidang menggunakan Liminaliti untuk memahami pengalaman peralihan atau keadaan bersifat sementara seperti bidang antropologi, sosiologi, pengurusan organisasi, sukan, pendidikan, seni, kesusasteraan, festival dan pelancongan. Antara penulisan tesis yang mengaplikasikan teori ini ialah Lee, Hohyoung (1994), Mardiana Ismail (2014), Norhuda binti Salleh (2017), Paquet, Nicole (1997), Zoltán, Szabó Jónos (2012) dan Varela, Alfredo Ruiz (2007). Pengaplikasian Teori Liminaliti dalam kajian ini kerana konsep teori ini dapat menganalisis transformasi dan transisi yang dialami oleh etnik Rungus dan perayaan tradisional (Pesta Magahau), di mana elemen-elemen dalam Pesta Magahau telah mengalami rundingan, dikontekstualkan dan disusun semula bersesuaian kehidupan semasa etnik Rungus.

Rajah 1.3 menjelaskan kerangka teori Liminaliti ke atas perayaan Pesta Magahau etnik Rungus di Sabah. Fokus utama kajian ini ialah perayaan Pesta Magahau dengan menggunakan kerangka Liminaliti bagi menganalisis perubahan dan transformasi yang berlaku dalam perayaan tradisi etnik Rungus di Sabah. Fasa Pra-Liminal perayaan Magahau adalah meliputi sejarah dan persiapan ritual *Mamapak*. Manakala pada fasa liminal, perayaan Magahau sebagai ruang liminal dengan aktiviti dan ritual yang mencerminkan sinkretisme dan konflik antara tradisi lama dan ajaran Kristian. Transformasi identiti dan penyatuan semula sosial selepas perayaan berlaku pada fasa Pasca-Liminal. Konflik yang timbul setelah Pesta Magahau dianjurkan adalah perasaan tidak puas hati dalam kalangan etnik Rungus Kristian dan kekusutan ini berjaya ditangani melalui Konvensyen Undang-Undang Adat Matunggong 2017. Pendekatan metodologi kajian etnografi seperti temu bual, observasi, analisis sumber primer serta penyertaan semasa Pesta Magahau telah menyumbang kepada pemahaman terhadap perubahan budaya dan sosial etnik Rungus. Liminaliti adalah alat analisis yang kuat dalam memahami dinamik Pesta Magahau dan etnik Rungus. Melalui pendekatan yang digunakan, pengkaji dapat melihat bagaimana perayaan ini berfungsi sebagai ruang peralihan yang kompleks, pencitraan dan mempengaruhi perubahan sosial, budaya dan agama dalam masyarakat etnik Rungus di Sabah.

Rajah 1.3

Kerangka Teori Kajian



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Analisis ini berjalan dalam tiga fasa iaitu fasa Pra-Liminal, Liminal dan Pasca-Liminal yang menyokong pembangunan kerangka konseptual dalam memahami intipati

pelaksanaan Pesta Magahau dalam konteks tradisional dan perubahan kepada struktur dan fungsi Pesta Magahau bagi membentuk identiti Pesta Magahau baharu selaras dengan kehendak etnik Rungus masa kini. Kerangka ini dibentangkan dalam Rajah 1.3, dan menggambarkan bagaimana liminal pada konteks perayaan dibina melalui perjalanan peralihan yang luas dan penelitian perubahan melalui tiga proses, iaitu upacara perpisahan (rites of separation), upacara liminal atau margin (rites of limen or margin) dan upacara penyatuan semula (rites of reaggregation). Bagi memastikan penelitian terhadap Liminaliti berada dalam landasan yang tepat, pengkaji mengutarakan empat perspektif ritual (Turner, 1967, 1969 & 1982; Schechner, 2013) iaitu struktur, fungsi, proses dan pengalaman dalam proses menganalisis perubahan yang dinamakan proses liminal sehingga mencapai satu bentuk baharu iaitu Liminaliti, khususnya dalam pembentukan persembahan Pesta Magahau, etnik Rungus di Sabah.

Pelbagai bidang telah mengaplikasikan empat perspektif ritual tersebut dalam kerja-kerja penyelidikan, seperti bidang etnologi, bidang antropologi, pakar neurologi dan ahli arkeologi (Schechner, 2013, 57).

Empat perspektif ritual digunakan oleh pengkaji sebagai sokongan analisis terhadap Liminaliti memandangkan perspektif tersebut dapat memahami pelbagai sudut ritual dan perlakuan ritual yang berlaku. Menurut Turner (1969), peralihan ritual melibatkan perubahan sifat luaran (fizikal) dan sifat dalaman diri individu serta komuniti, dan sebagai transformasi ontologikal (Dhhavamony, 1995). Melalui kajian ritualnya, Turner mengemukakan tafsiran teorinya bahawa proses ritual boleh dilaksanakan sepenuhnya dalam perubahan sosial yang dihadapi oleh manusia. Bagaimana Turner memaparkan elemen-elemen ritualisasi sebagai suatu proses berpanjangan dan tidak statik pergerakannya. Berikutan itu, dalam menganalisis proses



ritual, Turner mengemukakan empat perspektif iaitu struktur, fungsi, proses dan pengalaman. Perspektif struktur adalah merangkumi rupa dan bunyi ritual, cara menggunakan ruang dan siapa yang akan melaksanakannya. Perspektif fungsi adalah menekankan apa yang ingin dicapai oleh individu, komuniti dan budaya melalui perlakuan atau persembahan ritual tersebut. Manakala, perspektif proses merupakan asas atau dasar yang memandu dan menggerakkan sesebuah persembahan ritual secara dinamik. Manakala, perspektif proses pula akan melibatkan penyusunan dan perubahan persembahan sesebuah ritual. Perspektif terakhir ialah pengalaman. Perspektif ini membincangkan pengalaman, perasaan transformasi iaitu apa yang dialami diri individu atau kelompok semasa melibatkan diri secara langsung sewaktu persembahan ritual sedang dijalankan dan selepasnya. Pemilihan perspektif ritual ini dapat menjelaskan proses transformasi dan aktiviti-aktiviti simbolik yang terangkum dalam ritual peralihan.



Bagi memandu perbincangan dalam kajian ini, pengkaji telah menyenaraikan sepuluh elemen persembahan dalam Pesta Magahau yang telah dimanipulasikan daripada empat perspektif tersebut dalam membantu menjawab objektif kajian.



Jadual 1.1


Perspektif Ritual dan Elemen Kajian Persembahan Olahan Pengkaji Berdasarkan Empat Perspektif Ritual (Turner, 1967, 1969 & 1982; Schechner, 2013).

Empat Perspektif Ritual	10 Elemen Persembahan
Struktur	Ruang Persembahan Peralatan Persembahan Busana dan Aksesori Muzik dan Tarian
Fungsi	Sistem Kepercayaan Fungsi
Proses	Waktu Persembahan Struktur Persembahan Pantang larang
Pengalaman	Watak

Berdasarkan kerangka teori kajian dan empat perspektif ritual yang digunakan oleh pengkaji, maka kerangka konseptual kajian dapat dipaparkan seperti Rajah 1.3. Seterusnya menjawab persoalan dan objektif kajian.

Rajah 1.4

Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Definisi Operasional

Kerangka teori bermula dari definisi istilah dan operasional dalam kajian sebagai dasar analisis terhadap konsep ritual, kepercayaan dan perayaan tradisional etnik Rungus iaitu Pesta Magahau. Kajian ini berpandukan kepada Teori Liminaliti oleh Turner, bagi



menelusuri perubahan status sosial yang dialami oleh etnik Rungus di Sabah dan implikasi transisi tersebut kepada identiti budaya etnik Rungus pada masa kini.

1.8.1 Etnik Rungus

Siapakah etnik Rungus? Etnik Rungus majoritinya tinggal di bahagian utara Sabah, khususnya di daerah Kudat, Kota Marudu, dan Pitas. Pada masa dahulu, etnik Rungus mengamalkan corak hidup berpindah-randah, memburu, bertani, dan bergantung kepada hasil hutan. Mereka tinggal di rumah panjang yang dikenali sebagai "binatang", iaitu sejenis rumah yang bersambung-sambung selepas rumah induk dibina. Penanaman padi merupakan kegiatan ekonomi utama etnik Rungus. Selain itu, mereka juga menanam jagung sebagai sumber makanan dan sebagai makanan untuk binatang ternakan. Selain berburu, mereka turut memelihara binatang ternakan seperti ayam dan khinzir yang penting dalam upacara ritual. Sebelum kedatangan mubaligh Kristian, etnik Rungus berpegang kepada kepercayaan animisme dan alam *supernatural*. Mereka mempunyai pelbagai jenis upacara dan perayaan tersendiri. Salah satu perayaan tradisional yang terkenal ialah perayaan Pesta Magahau, yang disambut secara besar-besaran. Namun, perayaan ini tidak boleh diadakan sesuka hati kerana ia terikat dengan aturan pandangan dunia etnik Rungus yang memerlukan pelaksanaan upacara ritual terlebih dahulu. Ritual yang mendasari perayaan Pesta Magahau ialah *Mamapak*.



1.8.2 Ritual

Ritual adalah perkara yang berkaitan dengan tatacara dalam upacara keagamaan dan sebagainya, yang dilaksanakan oleh etnik Rungus di Sabah sebagai imbalan daripada pelaksanaan perayaan Magahau melalui beberapa tahap dalam upacara ritual *Mamapak* sebelum berlangsungnya perayaan tersebut (Lazarus, E. M. C. L., & Saearani, M. F. T., 2023). Ritual adalah pola-pola daripada tindakan yang simbolik seperti bentuk pemujaan, bentuk larangan dan pengorbanan. Ritual terjadi atas keinginan manusia mencari hubungan dengan dunia ghaib kerana manusia itu secara fitrahnya mempunyai emosi keagamaan (Mohd. Kipli Abdul Rahman, 2005). Antara unsur-unsur ritual dalam perayaan Magahau seperti sajian, berdoa, *monguhok* (mantera), perarakan, menari, makan bersama dan sebagainya. Ritual *Mamapak* merupakan upacara yang mendasari pelaksanaan Pesta Magahau dengan melaksanakan upacara *Mamapak* iaitu ritual *Papak Taraat* dan *Papak Tavasi*. Ritual *Papak Taraat* diadakan bagi upacara kematian. Ritual berkaitan dengan kematian ialah *ritual Lumuvas* atau *Mongukas*. Manakala, ritual *Papak Tavasi* adalah berkaitan dengan doa-doa kebaikan kepada etnik Rungus.

1.8.3 Kepercayaan

Kepercayaan adalah bersifat batin dan tersimpan dalam jiwa manusia. Kepercayaan ini merujuk kepada suatu kuasa ghaib, seperti *supernatural* merangkumi kepercayaan kepada Tuhan, dewa, roh baik, roh jahat dan sebagainya. Etnik Rungus dahulu mempercayai bahawa alam semesta mereka terbahagi kepada alam manusia dan alam *supernatural* (Porodong, 1977; Appell, 1965). Alam *supernatural* mempercayai



kekuasaan *osundu* (roh baik) dan *rogon* (roh jahat). Kedua-dua kuasa ini dipercayai oleh etnik Rungus berpengaruh terhadap keselamatan dan kesejahteraan hidup mereka di dunia. Justeru itu, etnik Rungus mempercayai kebergantungan hidup dan perkongsian alam semesta antara alam manusia dengan alam *supernatural*. Etnik Rungus menganggap mereka sebahagian daripada alam semesta dan bukannya berasingan. Oleh itu, perbuatan menghormati unsur-unsur itu memberi manfaat, keberuntungan dan tuah kepada etnik Rungus kerana membuatkan semangat roh-roh ghaib dalam kegembiraan. Perkara sebaliknya akan terjadi sekiranya etnik Rungus menimbulkan kemarahan roh-roh ghaib.

1.8.4 Pesta Magahau



Pelaksanaan perayaan Magahau bergantung kepada keadaan ekonomi masyarakat etnik Rungus di sesebuah kampung. Magahau akan diadakan setiap tahun atau selang dua hingga lima tahun atau lebih kerap bergantung kepada keperluan dan ekonomi etnik Rungus. Secara umumnya, Magahau merupakan perayaan tradisional yang disambut secara meriah dan besar-besaran kerana Magahau ialah perayaan terbesar oleh etnik Rungus. Istilah Magahau membawa pengertian sebagai berpesta, mengadakan keramaian atau mengadakan kenduri. Perayaan ini disambut oleh etnik Rungus di Sabah, yang majoritinya tinggal di Bahagian Kudat iaitu daerah Kudat, daerah Kota Marudu dan daerah Pitas. Perayaan ini akan diadakan setelah selesai menjalankan upacara ritual *Mamapak* iaitu ritual yang wajib dilaksanakan oleh etnik Rungus sebelum menyambut perayaan Magahau. Ritual *Mamapak* akan dikendalikan oleh *bobolizan*. Tidak dinyatakan secara spesifik masa atau bulan sambutan perayaan



Magahau oleh etnik Rungus dahulu, namun perayaan ini akan disambut semasa mereka memperolehi hasil tanaman yang banyak atau keadaan ekonomi keluarga yang baik, lazimnya selepas menuai tanam-tanaman. Pesta Magahau akan disambut bersama oleh etnik Rungus dari beberapa buah kampung dan saling bergotong-royong semasa perayaan ini berlangsung. Saudara mara dari kejauhan akan datang berkunjung, selain berjumpa dengan sanak saudara juga untuk menjalinkan hubungan antara kampung-kampung. Pelbagai aktiviti dijalankan semasa Pesta Magahau seperti *bunjal* (jual beli), *monudung* (berkenalan dan mencari jodoh), beradu kekuatan menerusi sukan tradisi, *Mitarab Gimpuhut* (pencarian wanita tercantik), Pertandingan *Monurizak* (menyanyi), persembahan tarian tradisi *Mongigol-Sumundai* dan banyak lagi aktiviti dilaksanakan (Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M.K.A., 2022:6). Lazimnya, Pesta Magahau akan yang disambut antara satu hingga tujuh hari. Namun, ada kalanya disambut lebih daripada itu, bergantung kepada kemampuan keluarga yang mengadakan Pesta Magahau.

1.8.5 Ritual Mamapak

Upacara ritual *Mamapak* merupakan ritual wajib yang harus dilakukan oleh etnik Rungus sebelum sambutan Pesta Magahau (Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M.K.A., 2022:4). Pelaksanaan upacara *Mamapak* lazimnya bertujuan untuk menyeru semangat-semangat yang berkuasa terhadap rezeki dan kesejahteraan keluarga Rungus dan upacara ini diketuai oleh *bobolizan*. Terdapat beberapa ritual dalam *Mamapak* yang harus dilakukan iaitu *Papak Taraat* dan *Papak Tavasi* bagi membolehkan perayaan



Magahau berjalan dengan lancar dan diberkati oleh roh-roh yang diseru semasa upacara ritual berlangsung.

1.8.6 Bobolizan

Bobolizan dalam etnik Rungus ialah orang yang bertanggungjawab dalam hal-hal keagamaan, adat istiadat dan menjadi medium pengantara antara dunia manusia dengan dunia alam ghaib. Secara umumnya, *bobolizan* juga dipanggil sebagai bomoh, dukun, pawang dan sebagainya mengikut panggilan sesebuah etnik. Antara tanggungjawab dan peranan *bobolizan* ialah memulihkan hubungan antara manusia dengan alam ghaib, melakukan pelbagai upacara keagamaan dan pemujaan, meramal dan menilik masa hadapan serta turut mengingatkan etnik Rungus agar menjaga kelakuan agar keseimbangan dan keharmonian antara kehidupan alam fizikal dengan alam ghaib terkawal.

1.8.7 Liminaliti

Victor Turner (1969) membangunkan Teori Liminaliti yang mula-mula diperkenalkan oleh Arnord Van Gennep (1960) dalam karyanya *The Rites of Passage* dalam konteks perubahan status seseorang individu dalam masyarakat, seperti dari kanak-kanak ke dewasa, perkahwinan dan kematian. Liminaliti adalah merujuk kepada peringkat peralihan atau tempoh perubahan dua keadaan yang jelas dan nyata. Satu tempoh kekaburan, ketidakpastian dan perubahan peraturan serta norma konvensional mungkin





akan dibuang. Proses perubahan yang disebut sebagai proses liminal hingga mencapai bentuk baharu iaitu Liminaliti. Terdapat tiga peringkat Teori Liminaliti oleh Turner iaitu;

- i) Pra-Liminal iaitu fasa sebelum perubahan atau peralihan berlaku.
- ii) Liminal iaitu fasa di antara individu atau sekumpulan individu berada dalam keadaan “betwixt and between” iaitu keadaan yang tidak pasti, kekaburan dan transformasi.
- iii) Pasca-Liminal atau *Reaggregation*. Fasa selepas perubahan, apabila individu atau kumpulan kembali kepada masyarakat atau struktur dengan status atau peranan baharu.



memahami dinamik dan sifat transformatif ritual, menekankan fasa liminal sebagai tempoh peralihan yang penting dan potensi perubahan masyarakat. Seperti yang diterangkan oleh Turner, Liminaliti merujuk kepada fasa peralihan yang dicirikan oleh keadaan "antara" struktur yang ditubuhkan dalam masyarakat. Semasa fasa ini, individu mengalami proses di mana mereka melepaskan diri daripada perbezaan sosial mereka dan memasuki keadaan kekaburan. Ini kerana Liminaliti mencerminkan perubahan luaran dalam subjek ritual.



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini membataskan perbincangan kepada perayaan Pesta Magahau oleh etnik Rungus yang terdapat di negeri Sabah, khususnya di bahagian utara Sabah iaitu daerah Kudat, daerah Kota Marudu dan daerah Pitas. Pengkajian berpusat kepada pencarian perubahan-perubahan dari aspek struktur dan fungsi dalam persembahan Magahau dalam konteks tradisional dan konteks masa kini. Pada asalnya, konteks persembahan Magahau tradisional adalah bersifat ritual kerana penganjuran sambutan Magahau berlaku setelah etnik Rungus mengadakan upacara ritual *Mamapak* yang berkaitan dengan bencana dan kesyukuran pada tahun tersebut. Dari sudut kepercayaan agama, etnik Rungus tradisi percaya bahawa wujudnya alam ghaib dan makhluk halus yang bertanggungjawab dengan alam semester mereka. Walau bagaimanapun, fokus kajian ini adalah terhadap perubahan yang berlaku dalam persembahan Magahau antara perayaan Magahau tradisional dengan perayaan Magahau pada konteks semasa kehidupan etnik Rungus. Analisis kajian bertunjangkan kepelbagaian pengaruh kepercayaan daripada fahaman keagamaan yang berbeza turut ditinjau kerana fenomena tersebut mempengaruhi kewujudan bentuk persembahan Pesta Magahau ketika ini yang selari dengan keperluan konteks semasa kehidupan etnik Rungus.

Perbincangan mengenai perubahan yang berlaku dalam Pesta Magahau akan menggunakan pendekatan Teori Liminaliti oleh Turner yang membincangkan tentang konsep perpisahan, liminal dan penyatuan semula yang berlaku dalam persembahan Magahau. Konsep ini dapat membantu memahami individu yang terlibat berhadapan dengan tekanan perubahan status dan bagaimana mereka dapat melalui perubahan status dan peranan baharu dengan berjaya. Secara sosial, Liminaliti membantu supaya



lebih menyedari perubahan yang dilalui oleh komuniti Rungus dan mengingatkan mereka untuk menghubungkan perubahan dengan cara baharu yang sesuai, sejajar dengan konteks semasa.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam memberikan sumbangan khasnya dalam bentuk ilmu pengetahuan mengenai perayaan Magahau etnik Rungus. Setakat ini, penyelidikan terhadap Pesta Magahau etnik Rungus secara teoritikal dan analisis belum lagi dilakukan. Ini kerana kebanyakan penyelidik lebih tertumpu dan berminat mengkaji sejarah, sosioekonomi, politik, adat istiadat dan kesusasteraan etnik Rungus.

Sehubungan itu, kajian ini penting bukan hanya sebagai tambahan kepada kajian-kajian sebelumnya tetapi langkah untuk memperkenalkan Pesta Magahau sebagai warisan budaya etnik Rungus.

Kajian ini juga penting kerana dapat menjelaskan perubahan-perubahan yang berlaku di antara persembahan Pesta Magahau dengan Magahau tradisional. Perubahan yang dimaksudkan adalah dari aspek struktur dan fungsi dalam konteks persembahan. Kehidupan mereka secara tradisional yang diumpamakan dalam kapsul tidak dapat bertahan lama dan terdedah kepada unsur-unsur sesuatu budaya luar kerana budaya sifatnya dinamik. Justeru itu, pelaksanaan kajian ini adalah tepat pada waktunya untuk merakamkan warisan tradisi dan perubahan warisan tradisi yang telah berlaku sejajar dengan kehendak semasa. Dapatan kajian ini dapat menjelaskan perubahan-perubahan



yang berlaku sepanjang pelaksanaan penyelidikan terhadap ritual Magahau dengan Pesta Magahau.

Akhirnya nanti, kajian ini bermanfaat bukan sahaja kepada etnik Rungus tetapi juga kepada masyarakat sejagat. Keputusan mengangkat Pesta Magahau sebagai platform baharu dalam usaha memperkenalkan dan mengetengahkan identiti budaya etnik Rungus secara global amat bertepatan sekali memandangkan etnik Rungus di Kudat, Kota Marudu dan Pitas, yang sedang menuju ke fasa baharu iaitu pelancongan budaya, tetapi meminggirkan bentuk tradisi perayaan Magahau.

1.11 Organisasi Tesis

Terdapat tujuh bab dalam kajian ini. Bab satu merupakan bab pengenalan yang menjelaskan secara umum, latar belakang etnik Rungus dari aspek sosial, budaya, isu dan permasalahan kajian dan tujuan kajian dilakukan. Bab dua, membincangkan sorotan literatur yang berkaitan dengan latar belakang etnik Rungus, sistem kepercayaan dan perubahan budaya tradisi mereka kesan daripada adaptasi pengaruh luar dan juga Teori Liminaliti. Bab tiga penulisan ini membincangkan metodologi kajian. Bab empat, membincangkan bentuk asal pelaksanaan Pesta Magahau sebelum mengalami transisi atau Pra-Liminal. Bab lima, menganalisis fasa Liminal dalam Pesta Magahau yang mengalami transisi rentetan daripada kemasukan penjajah atau orang asing ke dalam komuniti Rungus. Pembentukan Pasca-Liminal Pesta Magahau dibincangkan dalam bab enam kajian ini. Bab tujuh merupakan bab terakhir, memaparkan ringkasan penemuan dapatan kajian berhubung dengan pernyataan



masalah, persoalan kajian dan objektif yang digariskan dalam kajian ini, sumbangan kajian terhadap etnik Rungus dan cadangan untuk kajian lanjutan.

1.12 Rumusan

Perubahan terhadap budaya tradisional tidak dapat dihalang. Desakan ritual untuk berevolusi dan berkembang seiring dengan perkembangan pemikiran dan tahap sosial etnik Rungus pada masa kini memberi implikasi kepada keaslian warisan budaya tradisional. Tambahan lagi, sebahagian besar etnik Rungus telah meninggalkan kepercayaan lama (Labus) kerana telah menganuti agama Kristian, diikuti agama Islam. Hanya segelintir etnik Rungus yang masih meneruskan amalan kepercayaan lama (Labus). Pengaruh luar dari komuniti telah mendesak etnik Rungus melalui proses transisi daripada budaya lama kepada budaya baharu. Transisi itu telah mencipta tradisi baharu yang didasari tradisi lama setelah melalui fasa-fasa perkembangan dan penyesuaian. Dalam usaha untuk memahami transformasi terhadap perayaan Magahau oleh etnik Rungus, Teori Liminaliti oleh Victor Turner menjadi landasan dalam meneliti dan memahami perubahan yang berlaku terhadap struktur dan fungsi Magahau.

